

# Info Pintar



## APC 2007

### ANUGERAH PERPUSTAKAAN CEMERLANG

oleh Cik Eza Eliana Hj Abdul Wahid

PTAR telah terpilih untuk disenarai pendek bagi penerimaan Anugerah Perpustakaan Cemerlang (APC) 2007 yang dianjurkan oleh Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). Anugerah ini diwujudkan bagi memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada perpustakaan cemerlang di Malaysia dimana ia akan diberikan sekali dalam masa dua tahun.

Anugerah ini ditumpukan kepada kecemerlangan dalam pendidikan pengguna dan promosi berdasarkan kepelbagaian aktiviti promosi yang sediada serta kreatif dan inovatif bagi menarik perhatian pengguna kepada perkhidmatan dan sumber perpustakaan yang cemerlang. Program pendidikan pengguna dan perhubungan awam yang agresif perlu sentiasa diadakan untuk membetulkan persepsi dan meningkatkan kualiti perhubungan antara perpustakaan dan masyarakat.

Lawatan panel-panel penilai APC telah diadakan pada 6 Mac 2007 yang terdiri daripada Y. Bhg Dato' Zawiyah Baba, Puan Rohani Rustam, Encik Abd. Rahman Sudin dan Puan Hasnita Ibrahim.

Taklimat lawatan serta maklumat mengenai PTAR telah disampaikan oleh Ketua Pustakawan PTAR, Puan Hjh Paiza Idris. Para Panel dibawa melawat ke ruang pameran APC yang mempamerkan maklumat-maklumat PTAR termasuk Anugerah serta Pencapaian yang telah diperolehi. Selain itu, maklumat-maklumat setiap bahagian PTAR turut dipamerkan bersesuaian dengan kriteria APC 2007 seperti yang telah ditetapkan. Ini adalah penyertaan PTAR buat julung-julung kali nya dalam Anugerah Perpustakaan Cemerlang semenjak PTAR diwujudkan. Semoga PTAR terus sukses!!





# DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN



Saya amat berbangga dengan pencapaian PTAR bagi tahun 2007 ini. Ia menjadi permulaan tahun yang baik setelah PTAR terpilih untuk menyertai Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan telah disenarai pendekkan bagi Anugerah Perpustakaan Cemerlang. Kedua-dua pencalonan ini adalah penyertaan PTAR untuk julung kalinya.



baik setelah PTAR terpilih untuk menyertai Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan telah disenarai pendekkan bagi Anugerah

Perpustakaan Cemerlang. Kedua-dua pencalonan ini adalah penyertaan PTAR untuk julung kalinya.

Ini telah membuktikan bahawa Warga PTAR mampu untuk memberikan perkhidmatan yang unggul serta amat mementingkan kecemerlangan kualiti dari pelbagai aspek bagi memastikan para pelanggan mendapat maklumat yang tepat dan terkini.

Dalam menuju ke arah perpustakaan bertaraf dunia, pencapaian serta

kejayaan yang diperolehi dan akan diperolehi menjadikan PTAR semakin matang demi memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan dapat memenuhi ekspektasi pelanggan masa kini.

Kami mengalu-alukan setiap komen yang diberi dalam usaha untuk memperbaiki mutu perkhidmatan PTAR dan seterusnya memastikan keberkesanan perkhidmatan secara berterusan.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga PTAR diatas usaha serta sokongan yang telah diberikan sehingga memperoleh kejayaan yang memberangsangkan. Diharap PTAR akan terus menjadi penyumbang kepada prestasi terbaik yang berkesan dan amat berguna untuk dipelajari serta dikongsi bersama.

“PTAR @ Your Service”

## Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.....

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bertemu lagi dalam Buletin Info PinTAR Bilangan 2/2007.

Saya amat berbangga dengan pencapaian PTAR bagi tahun 2007 ini. Ia menjadi permulaan tahun yang





oleh: Puan Junaida Kamarudin

Corporate Memory EKMS

Pada tahun ini, PTAR telah membuat perancangan awal bagi menghadapi penilaian Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) UiTM dan Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM). Penubuhan Jawatankuasa AKNC / AKPM adalah bagi memastikan PTAR berada pada tahap yang terbaik untuk dinilai oleh panel penilai. Unit Latihan telah menganjurkan Bengkel AKNC / AKPM peringkat PTAR pada 27-28 Mac 2007 yang dihadiri seramai 54 orang staf yang terdiri daripada staf profesional dan staf sokongan.

Peserta bengkel telah berbincang dan bercambah fikiran menyediakan maklumat bagi memenuhi kriteria penilaian AKNC.

Kejayaan memperolehi 6 anugerah pada tahun 2006 telah menjadi perangsang kepada PTAR untuk membuat penyediaan pengumpulan maklumat bagi pengisian kriteria AKNC dan AKPM dengan lebih teratur dan menghasilkan dokumen yang berkualiti. Sesi pembentangan pada akhir bengkel telah banyak membantu peserta memperbaiki lagi maklumat yang disediakan dan seterusnya tugas-tugas penyelarasan manuskrip dan dokumen dilaksanakan oleh Unit Kualiti PTAR mengikut garispanduan yang telah ditetapkan oleh InQKA.



## BENKEL PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL UiTM

oleh Encik Abd. Rashid Hj Abdullah

Kursus Perkhidmatan Perpustakaan Digital UiTM telah diadakan pada 22 - 23 Mei 2007 bertujuan untuk memberi maklumat-maklumat terbaru mengenai perkhidmatan perpustakaan digital yang disediakan oleh PTAR.

Kursus ini mrangkumi tajuk-tajuk berkaitan Web Korporat, Portal PTAR, Digital Collections, Perkhidmatan Pusat IT, ILMU Module, Online Databases dan Perkhidmatan Pelanggan serta Polisi Perpustakaan.

Peranan staf di Kaunter perpustakaan sangat penting untuk memaklumkan kepada pengguna mengenai perkhidmatan terbaru yang diberikan oleh PTAR. Melalui kursus ini, diharap staf yang bertugas di Kaunter dapat membantu PTAR dalam meningkatkan penggunaan Portal dan lain-lain perkhidmatan perpustakaan.



Kursus ini diberikan kepada peserta yang terdiri dari mereka yang berkhidmat di Kaunter Perpustakaan. Seramai 40 orang staf sokongan PTAR terdiri daripada Pembantu Perpustakaan serta Kerani dipilih untuk mengikuti kursus tersebut.



# BENKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN PTAR

oleh : Puan Rozaimah Mat Sidek



setiap bahagian dan unit. Selain dari itu, bengkel ini juga mengambil kira dan mengenalpasti isu dan cabaran serta permasalahan yang akan di hadapi pada tahun 2007 iaitu selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) UiTM.

Kajian semula dan penilaian perancangan ini perlu dilakukan dari masa ke semasa bagi mengetahui sejauh mana pencapaian aktiviti dapat di capai dan seterusnya dapat dibuat penambahbaikan demi kepentingan perkhidmatan perpustakaan. Penilaian semula ini perlu dilihat secara menyeluruh kerana di situlah letaknya pencapaian yang mana dapat memperkuatkan peranan perpustakaan dalam mempertingkatkan kualiti kemudahan dan perkhidmatannya.

Secara keseluruhannya, hasil daripada bengkel ini PTAR telah dapat merumuskan satu halatuju dan perancangan yang mantap untuk dilaksanakan pada tahun 2007 dan seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang.

**B**engkel Pemantapan Pengurusan PTAR 2007 telah di adakan pada 5 April hingga 6 April bertempat di Intekma Resort & Convention Centre, Shah Alam. Seramai 35 peserta terdiri daripada Pustakawan dan staf dari PTAR telah menyertainya. Bengkel ini bertujuan membincangkan perkembangan pencapaian prestasi PTAR 2006 seterusnya membuat tindakan perancangan bagi tahun 2007.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi mencapai objektif iaitu mengukur dan menilai tahap pelaksanaan program/aktiviti yang telah dirancang bagi tahun 2006 oleh




# BENKEL FAIL MEJA & MPK

oleh : Puan Adlina Abdullah

**P**ada 3-4 April 2007, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah mengadakan Bengkel MPK / Fail Meja PTAR di Bilik Seminar PTAR 1 dan Pusat IT. Bengkel ini melibatkan seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada 5 orang wakil dari setiap jabatan PTAR yang akan menjadi Fasilitator dalam membimbing rakan sepejabat untuk menyediakan Manual Prosedur Kerja (MPK) & Fail Meja (FM) masing-masing.

Objektif bengkel ini ialah untuk menjelaskan Konsep MPK dan Fail Meja serta memahami kaedah penyediaan Format MPK & Fail Meja UiTM. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memberi penerangan mengenai kepentingan MPK dan FM diwujudkan sebagai dokumen rujukan rasmi mengenai aktiviti dan proses kerja di setiap Jabatan/ Pejabat.



Kepentingan MPK dan FM adalah berasaskan kepada Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 8 Tahun 1991 dan keperluan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001 versi 2000 Klausula 4.

Beberapa pendekatan telah digunakan sepanjang bengkel ini bagi memastikan objektif yang digariskan dapat dicapai. Antaranya ialah ceramah, pembahagian kumpulan dan juga sesi 'hands on'. Sesi ceramah telah disampaikan oleh En. Mohd Ehsan Amin, Ketua Unit Pengurusan Kualiti, Pejabat Pendaftar.

Bengkel ini merangkumi penyediaan Fail Meja bahagian A, B, C, D dan E pada hari pertama, manakala pada hari kedua merangkumi penyediaan Fail meja Bahagian F, H, I dan G. Penyediaan MPK pula akan dilaksanakan pada tarikh yang akan ditentukan kelak.



# MAJLIS

# PERSARAAN

Cik HAJAH MASNAH ABDUL KARIM

Compendium Memory EKMS

oleh : Puan Norhamimi Othman



Majlis persaraan bagi Cik Masnah Abdul Karim telah diadakan pada 10 Mei 2007 bertempat di Bilik Seminar, PTAR. Majlis tersebut telah dihadiri oleh semua kakitangan PTAR termasuk Perpustakaan Fakulti.

Cik Masnah menamatkan tugas secara rasmi pada 15 Mei 2007 selepas berkhidmat selama 35 tahun. Beliau telah menyandang pelbagai jawatan di perpustakaan yang bermula dengan Penolong Pegawai Perpustakaan sehingga menamatkan jawatan yang terakhir sebagai Timbalan Ketua Pustakawan Kanan.

Sebagai tanda penghargaan, Ketua Pustakawan Hajah Paiza Idris telah berbesar hati untuk menyampaikan cenderahati. Cik Masnah turut menerima cenderahati iringan daripada individu dan bahagian-bahagian PTAR sebagai tanda kenang-kenangan.

Majlis turut diserikan dengan ucapan oleh Ketua Pustakawan. Selain daripada itu, hadirin turut dipersembahkan dengan pertunjukkan slaid sepanjang perjalanan kerjaya Cik Masnah di perpustakaan.

Dikenali sebagai seorang pegawai yang walaupun tegas tetapi amat disenangi oleh semua warga PTAR. Beliau juga seorang pendengar yang baik, memahami dan mengambil berat. Warga PTAR mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat maju jaya dan selamat bersara.

Copyrights © EKMS PUiTM



# bergambar



Lawatan dari  
Universiti Malaya  
23 Mei  
2007



Lawatan Pelajar-pelajar Antarabangsa  
dari Uzbekistan - 14 Mei 2007



Lawatan Pelajar-pelajar Antarabangsa  
dari Arab Saudi - 4 Mei 2007






Lawatan dari Sekolah Men. Keb. Hosba  
Kedah - 29 Mei 2007



Lawatan dari Sekolah Men. Keb.  
Agama Wataniah, Jerneh Terengganu - 3 Mei 2007



Pameran CITU  
April hingga Mei



Mesyuarat 5S  
8 Mei 2007





# Naiktaraf PTAR Jalan Othman



**XPODC**  
ke Gua Tempurung  
Perak  
9 Jun  
2007



## AJK InfoPinTAR 2007

**Penasihat:** Pn. Hajah Paiza bt. Idris. **Editor:** En. Haron Wee Ah Boo. **Penolong Editor:** Pn. Baimah bt. Bujang/En. Abdul Rashid b. Abdullah.

**Bendahari:** Pn. Nor Aziah bt. Abdullah. **Setiausaha:** Cik Eza Eliana Hj Abdul Wahid

### Wakil Bahagian

**Unit Kualiti:** Pn. Junaida bt. Kamarudin. **Bah. Perkhidmatan Maklumat:** Cik Eza Eliana Hj Abdul Wahid. **Bah. Perkhidmatan Pelanggan dan Pengurusan Koleksi:** Cik Nurhayati bt. Hassan. **Bah. Pembangunan Bibliografik dan Pemprosesan Teknikal:** Pn. Nurul Diana Jasni. **Bah. Perpustakaan Fakulti:** Pn. Sakmah bt. Sarif.

**Bah. Pembangunan Sumber Ilmu:** Pn. Adlina bt. Abdullah. **Bah. Sistem dan Teknologi Maklumat:** En. Azizi b. Jantan. **Bah. Jurnal dan Pangkalan Data:** Pn. Hani Liza bt. Norfin.

**Bah. Pentadbiran:** Pn. Rosmah bt. Sulaiman. **Jurufoto/Peraka Grafik:** En. Mohd Ridzuan b. Atan@Mohamed (<http://melastikelangit.fotopages.com>)